



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING**
(IJEPC)
www.ijepc.com



ISU DAN CABARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DI AMBANG KEMERDEKAAN TANAH MELAYU

*ISSUES AND CHALLENGES OF THE MALAY LANGUAGE AS A NATIONAL
LANGUAGE ON THE VERGE OF MALAYAN INDEPENDENCE*

Mohd. Sohaimi Esa^{1*}, Romzi Ationg², Irma Wani Othman^{3*}, Herlina Jupiter⁴

¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
Email: msohaimi@ums.edu.my

² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
Email: mratong@ums.edu.my

³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
Email: irma@ums.edu.my

⁴ Penerbit UMS, Universiti Malaysia Sabah
Email: herina@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.05.2021

Revised date: 24.06.2021

Accepted date: 20.07.2021

Published date: 31.07.2021

To cite this document:

Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., & Jupiter, H. (2021). Isu Dan Cabaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan Di Ambang Kemerdekaan Tanah Melayu. *International Journal of Education,*

Abstrak:

Pada masa kini, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi salah satu identiti bagi rakyat Malaysia. Identiti yang dibina selama ini menjadi wadah kepada perpaduan nasional. Realitinya, bahasa bukan setakat menjadi alat komunikasi, tetapi lebih penting bahasa itu menunjukkan bangsa dan bahasa merupakan jiwa bangsa. Bahasa juga amat besar peranannya dalam membentuk jati diri, memupuk semangat kekitaan (esprit de corps), integrasi dan maruah dalam membina negara bangsa yang berdaulat lagi merdeka. Namun begitu, sebelum menjadi bahasa kebangsaan terdapat banyak isu dan cabaran bahasa Melayu jika ditinjau sebelum menjelangnya kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Justeru itu, kertas kerja ini akan merungkai dari perseptif sejarah tentang isu dan cabaran yang dihadapi dalam memastikan Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC, serta penduduk Tanah Melayu memperolehi kata sepakat dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dengan

Psychology and Counseling, 6 (41),
111-125.

DOI: 10.35631/IJEPC.641009

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



menggunakan pendekatan kajian kualitatif berasaskan disiplin sejarah yang berasaskan sumber primer dan sekunder akan dihuraikan secara naratif analitikal untuk melihat secara kronologi sebelum bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan. Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa tidaklah mudah untuk merealisakan impian bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebagaimana yang diperjuangkan khususnya oleh UMNO, dan amnya orang Melayu.

Kata Kunci:

Bahasa Melayu; Tanah Melayu; Bahasa Kebangsaan

Abstract:

The Malay language has been the main identification of Malaysia today. Such an identity has been the vehicle for national unity. Realistically, it is not only a means of communication, but more importantly, it mirroring the nation itself. Language also plays a significant role in shaping the identity, fostering a sense of belonging (*esprit de corps*), integration, and dignity in building a sovereign and independent nation. However, before becoming the national language, the Malay language encounters a number of issues and challenges in lead up of Malayan independence. By using a historical perspective, this paper dismantles both issues and challenges associated with a compromise that has taken place within the Alliance Party comprised of UMNO, MCA, and MIC. Accordingly, through this qualitative approach, an approach that focuses on historical information from secondary sources this paper narratively analyse the chronologic of the process to make the Malay language the national language. The results show that it is not easy to realize such an aspiration.

Keywords:

Malay Language; Malaya; National Language

Pendahuluan

‘Bahasa jiwa bangsa’, itulah ungkapan yang sesuai untuk menterjemahkan pengertian dan maksud bahasa Melayu itu sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa amat besar peranannya kerana menjadi salah satu identiti rakyat dan negara yang berdaulat. Realitinya, bahasa bukan setakat menjadi alat komunikasi, tetapi dapat mencerminkan juga jati diri, integrasi, memupuk semangat kekitaan (*esprit de corps*), serta maruah kepada negara bangsa yang merdeka. Namun begitu, bahasa Melayu dikatakan telah melalui liku-liku onak berduri yang terpaksa ditempuh sebelum dijadikan sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan antara agenda utama yang menjadi keutamaan pemimpin dan orang Melayu, khususnya United Malay National Organization (UMNO) sebelum menjelang tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. UMNO menjadikan ia sebagai salah satu tanggungjawab besar agar kemerdekaan yang dicapai tidak sekali mengadaikan maruah bangsa. Justeru, objektif kertas kerja ini adalah untuk melihat isu dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pemimpin Melayu, khususnya UMNO untuk mendapatkan kesepakatan bahasa Melayu

sebagai bahasa kebangsaan tersebut. Sebelum membincangkan isu dan cabaran tersebut, terlebih dahulu diuraikan dari segi metodologi dan kajian literatur.

Metodologi dan Kajian Literatur

Metodologi kajian dalam penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan disiplin sejarah. Pendekatan kualitatif merujuk kepada pendekatan kajian yang memerlukan pemerhatian yang teliti terhadap aspek phenomenology iaitu memfokus kepada proses dan peristiwa secara tematik, semuljadi dan bebas berasaskan maklumat dari pelbagai sumber seperti sumber primer serta sekunder, dan bukannya berasaskan maklumat kuantitatif (frekuensi, peratusan, sisihan piawai, dan sebagainya) (Ationg, Esa, Ibrahim & Abdul Muis, 2020; Ationg, Ibrahim, Esa & Layapan, 2020; Rahman, Ationg & Zulhaimi, 2017; Chua, 2011; Neuman, 2006; Hamzah, 2004; Reichardt & Cook, 1979). Pendekatan ini biasanya dianggap sebagai rekabentuk yang popular dalam bidang sains sosial apabila sering kali dikaitkan dengan sejarah, historiografi, etnografi, dan sosiologi. Tambahan pula, pendekatan ini menekankan kepada perkataan atau ayat berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian atau kaedah tertentu (Ationg, 2020; Ationg, 2018; Alasutari, 2010). Di samping itu, disebabkan penulisan ini menyentuh tentang perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebelum merdeka, maka penulisannya juga menggunakan metod sepertimana yang terdapat dalam disiplin sejarah. Disiplin sejarah digunakan kerana untuk melihat perkembangan berkaitan dengan isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebelum menjelang kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Justeru, terdapat beberapa peristiwa penting apabila diperkatakan tentang isu dan cabaran bahasa Melayu tersebut. Seperkara lagi, apabila membincangkan metodologi kajian disiplin sejarah, maka ia bersifat kualitatif yang diadunkan dengan perbincangan secara deskriptif analitikal (Sugiyono, 2009). Dalam penulisan ini, kajian kepustakaan digunakan dengan mengumpulkan sumber berbentuk primer dan sekunder (Esa, Muis, Ationg, Othman, Lokin, Mokhtar & Adam, 2021). Dalam kajian sejarah, sumber primer penting untuk membolehkan fakta dijelaskan berdasarkan peristiwa seperti sebenarnya berlaku sebagaimana ditegaskan oleh Bapa Persejarahan Moden, Leopold Von Ranke (Kreiger, 1977; Esa, Ationg, Othman, Muis, Lokin Mokhtar & Adam, 2021). Langkah ini menjadikan disiplin sejarah sebagai suatu bentuk kajian yang bersifat saintifik dan objektif (Carr, 1962; Collingwood, 1993). Dengan ini, kepelbagaiannya sumber tersebut akan dapat membantu melihat lebih tepat lagi tentang isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Dari segi kajian literatur, terdapat beberapa penulisan berkaitan dengan bahasa Melayu. Antaranya termasuklah Rozita dan Hashim (2014) serta Othman, Yusoff, Mohd Shah, Mokhtar, Abang Muis, Marinsah & Marzuki, (2021a) yang merungkaikan persoalan negara bangsa Malaysia dari perspektif peranan bahasa Melayu. Penulis antara lain mencadangkan langkah-langkah berkaitan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu diambil demi pemerkasaan masyarakat dan negara bangsa Malaysia. Pendapat ini senada dengan A. Aziz (2017) dan Othman, Yusoff, Mohd Shah, Esa, Ationg, Ibrahim & Raymond Majumah, (2021b) akan keperluan bahasa Melayu diperkasakan agar menjadi wadah kepada pembinaan negara bangsa Malaysia. Begitu juga dengan Ramlah dan Mohd Kasturi (2014) yang meninjau dari perspektif sejarah sepintas lalu tentang kedudukan bahasa Melayu, serta isu-isu

berbangkit pada masa kini dalam usaha mendaulatkan bahasa tersebut. Sesungguhnya, kajian atau penulisan sebelum ini memberikan keutamaan pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Sememangnya ia penting dalam usaha membina identiti, serta menjadi suatu alat dalam usaha memupuk perpaduan nasional. Namun begitu, usaha untuk memastikan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi tidaklah semudah seperti yang dijangkakan, terutamanya saat-saat negara untuk mencapai kemerdekaan.

Isu dan Cabaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di Ambang Kemerdekaan

Apabila perkataan isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dilihat sebagai suatu proses evolusi yang panjang. Evolusi ini memerlukan masa yang menuntut kepada pengorbanan dan perjuangan, terutamanya pemimpin dalam Parti Perikatan. Persoalan ini juga menjadi keutamaan agenda UMNO sebagai pertubuhan yang mewakili orang Melayu dalam menangani isu tersebut. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi obor perjuangan Tunku Abdul Rahman-Tun Abdul Razak sebagai pemimpin utama UMNO. Justeru, skop kajian dalam meneliti isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam penulisan ini berasaskan tempoh antara tahun 1951-1957. Hal ini sesuai untuk diteliti kerana tempoh yang sangat penting di ambang Tanah Melayu untuk mencapai kemerdekaan. Pada tempoh tersebut dapat dikenalpasti beberapa peristiwa penting berkaitan dengan status bahasa Melayu seperti Laporan Barnes, Pilihan Raya Umum Peringkat Persekutuan 1955 dan Penyata Razak.

Perjuangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi antara tanggungjawab besar yang dipikul oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak sebagai mewakili parti terbesar orang Melayu, UMNO. Mereka menjadi antara orang penting sebagai wakil UMNO yang dilantik dalam penggubalan Ordinan Pelajaran 1952. Pada 20 September 1951, mereka menjadi ahli Jawatankuasa Khas Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan mengenai pelajaran yang diketuai oleh E.E.C. Thuraisingham (Federation of Malaya, 1951a). Dalam hal ini, mereka menjadi ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk mengkaji Laporan Barnes (*Council Paper No. 23 of 1951*), Laporan Fenn-Wu (*Council Paper No. 35 1951*) dan Laporan Jawatankuasa Penasihat Pusat (*Council Paper No. 44 of 1951*). Setelah itu, jawatankuasa ini mencadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah pendidikan di Tanah Melayu yang kemudiannya dikenali sebagai Ordinan Pelajaran 1952. Jawatankuasa tersebut telah membuat keputusan untuk menolak dasar kepelbagaian bahasa dan budaya yang disyorkan oleh Laporan Fenn-Wu. Sebaliknya, merestui dasar keseragaman bahasa menerusi sistem pendidikan dwibahasa, yakni bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sepetimana yang disyorkan oleh Laporan Barnes (Federation of Malaya, 1952). Semasa syor ini dibahaskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan, pihak jawatankuasa telah menegaskan bahawa:

“...any cultural development of this country must be centred and built upon Malay language which should ultimately become the official language of this country...., an important difference between the status of the English and Malay languages; English was necessary for pragmatic purposes but Malay was ‘the national language of the Malays” (Federation of Malaya, 1951a).

Petikan tersebut jelas mencerminkan hasrat pemimpin tempatan, khususnya Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak yang mewakili UMNO dalam usaha merealisasikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara ini. Sebagai ordinan pelajaran, bahasa Melayu juga dijadikan sebagai bahasa pengantar dan bersama pelajar dari semua kaum ke dalam sebuah sekolah jenis kebangsaan yang berorientasikan Tanah Melayu (Federation of Malaya, 1951c). Laporan jawatankuasa tersebut kemudiannya telah diluluskan oleh Majlis Perundungan Persekutuan pada November 1951 dengan dikenali sebagai Ordinan Pelajaran 1952 (Federation of Malaya, 1952).

Walau bagaimanapun, Ordinan Pelajaran 1952 tersebut tidak diterima sepenuhnya oleh penduduk Tanah Melayu. Sebagai contohnya, Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina mengecam Ordinan Pelajaran 1952 dan menganggapnya sebagai satu “rancangan untuk menghapuskan semua pendidikan Cina di negara ini.” Persatuan ini turut menghantar satu memorandum bantahan ke atas ordinan ini kepada Vijayalakshmi Pandit, Presiden Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu yang melawat Tanah Melayu pada bulan Ogos 1954 (Tan, 1997). Mereka telah mendesak supaya “langkah-langkah segera diambil oleh kerajaan Persekutuan supaya memansuhkan Ordinan Pelajaran 1952 dan menolak Kertas Putih tentang dasar pelajaran” (The Straits Echo, 16 Ogos 1954). Situasi ini sebenarnya telah dijangkakan oleh pihak jawatankuasa tersebut, termasuk Tunku Abdul Rahman-Tun Razak sebagai pemimpin UMNO. Orang Cina sudah tentu menolak ordinan pelajaran tersebut, serta mereka sukar untuk menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang perlu dijadikan sebagai sebahagian dasar pendidikan negara (Mohd Sohaimi, 2020; Ramlah, 2003).

Sementara orang Melayu pula, penentangan ini dipelopori oleh Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS). Pada asasnya, KPGMS meminta supaya taraf sekolah-sekolah Melayu dipertingkatkan, yakni menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi supaya ia menjadi sama taraf dengan bahasa Inggeris termasuk di sekolah menengah, serta menaikkan taraf guru-guru sekolah Melayu (Majalah Guru, Ogos 1954). Sesungguhnya, bahang tentang itu sangat diperkatakan ketika itu, terutamanya dalam media cetak yang mewakili kepentingan kaum masing-masing. Walaupun pada realitinya terdapat wakil-wakil kaum masing-masing dalam proses penggubalan dasar pendidikan Ordinan Pelajaran 1952 tersebut. Sunggupun begitu, ordinan ini gagal untuk dilaksanakan sepenuhnya kerana tekanan politik dan masalah kewangan kerajaan ketika itu (Federation of Malaya, 1954a; 1954b).

Isu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sekali lagi sangat diperkatakan ketika menjelangnya Pilihan Raya Umum peringkat Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955. Sesungguhnya, tahun 1955 dilihat begitu penting untuk penduduk Tanah Melayu, termasuk Parti Perikatan apabila kesediaan pihak kolonial British untuk memberikan kemerdekaan kepada negara ini (Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011). Janji kemerdekaan hanya dapat diberikan oleh British apabila wujudnya perpaduan dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Hal ini jugalah yang menjadi cabaran kepada para pemimpin Parti Perikatan, khususnya UMNO (Dayu, Mohd Sohaimi, Budi & Yusten, 2015). UMNO ketika itu menjadi parti dominan dan terbesar di Tanah Melayu dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman-Tun Razak. Parti ini mewakili majoriti orang Melayu yang pasti kejayaan menentang Malayan Union

ingin diterjemahkan pula dalam konteks kemerdekaan Tanah Melayu. Persoalan identiti negara bangsa, termasuk bahasa Melayu antara yang menjadi agenda utama usaha UMNO untuk merealisasikannya sebagai bahasa kebangsaan.

Pada 8 Jun 1955, mesyuarat Majlis Kebangsaan Perikatan telah membincangkan beberapa isu berkaitan dengan persediaan menghadapi Pilihan Raya umum yang diadakan pada 27 Julai 1955. Antara isu yang dibincangkan termasuklah membincangkan semula pengagihan jumlah kerusi pilihan raya umum peringkat Persekutuan Tanah Melayu. Semasa mesyuarat ini, UMNO bersetuju untuk mengurangkan kerusi daripada 40 kepada 35 kerusi sahaja. Sementara MCA pula mendapat tambahan daripada 12 kepada 15 kerusi dan dua kerusi lagi kepada MIC dan seorang Ceylonese. Tambahan kerusi ini menjadi salah satu sebab utama yang membolehkan UMNO meminta MCA supaya tidak mendesak dasar ‘multi-lingualisme’. Isu ini dibangkitkan apabila sesetengah ahli MCA, terutamanya yang berpendidikan Cina menuntut supaya bahasa Cina dijadikan sebagai bahasa kebangsaan, bahkan mereka mendesak agar kerajaan menjalankan dasar ‘multi-lingualisme’. Golongan ini disokong sepenuhnya oleh ‘Chinese guilds. Pemimpin MCA seperti Tan Cheng Lock berusaha meredakan desakan itu demi perpaduan Parti Perikatan. (*Straits Times*, 13 Januari 1955; Means, 1970). Natijahnya, orang Cina seboleh mungkin mahu dasar ‘multi-lingualisme’ dilaksanakan, walaupun citra warisan bangsa ini sebenarnya berpaksikan pada orang Melayu. Isu ini juga yang terpaksa dilayan dan ditelan oleh pemimpin UMNO, apabila sesetengah pemimpin tertinggi dalam MCA boleh menerima dengan baik, tetapi mereka berhadapan dengan masalah kaumnya untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pada masa sama, UMNO pun terikat antara sokongan rakyat pelbagai kaum demi perpaduan dan kemerdekaan. Pada hakikatnya, kemerdekaan yang ingin dicapai itu tidak semudah seperti mana yang diharapkan, apabila bahasa menjadi antara isu yang tidak dapat kata sepakat antara komponen parti dalam Perikatan.

Tema Manifesto Parti Perikatan ialah ‘Merdeka dalam masa empat tahun’. Manifesto ini mengandungi tiga belas dasar yang berkaitan dengan politik, pentadbiran, sosial dan ekonomi (Menuju Kearah Kemerdekaan, Alliance National Council, tanpa tahun; Tunku Abdul Rahman, 1977; Means, 1970). Manisfesto ini mengambil masa lebih enam bulan untuk disiapkan sebelum dikeluarkan pada bulan Mei 1955. Kelewatan ini berlaku kerana tiada kesepakatan berkaitan dengan beberapa isu sensitif antara pemimpin UMNO dengan pemimpin MCA dan MIC. Isu kerakyatan, kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam, termasuklah juga bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak dipersetujui oleh pemimpin MCA dan MIC. Bagi UMNO pula, UMNO telah menolak kerakyatan *jus soli* terbuka seperti yang dituntut oleh MCA dan MIC. Pertelingkahan ini cuba diatasi dengan mengenepikan isu-isu sensitif itu dalam manifesto pilihan raya Parti Perikatan (Means, 1970; Ramlah 2003; Mohd Sohaimi, 2020). Walau bagaimanapun, berkaitan dengan bahasa, manifesto Majlis Perikatan tersebut akhirnya menetapkan bahawa, “*menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam tempoh sepuluh tahun dan menukuhan Majlis Bahasa Melayu; memberi pengakuan bahawa rakyat negeri daripada orang bukan Melayu boleh memelihara bahasa-bahasa dan kebudayaannya*” (Ramlah, 2003; CO 1030/311, UMNO-MCA Alliance, 175/3/03, Part C, D.C. MacGillivray to Mac Kintosh, 7 Jun 1955). Ironinya, inilah keupayaan pemimpin UMNO dalam isu bahasa kelihatannya

terpaksa menagih sesuatu yang sepatutnya menjadi hak milik bangsa dan tanah air mereka sendiri. Dari suatu sudut, kedudukan MCA mewakili orang Cina dan MIC untuk masyarakat India begitu kuat dalam menentukan citra negara bangsa Persekutuan Tanah Melayu. Lantaran usaha kemerdekaan, keputusan tersebut terpaksa dibuat atas pertimbangan krompromi agar kejayaan pilihan raya umum dapat diraih oleh Parti Perikatan.

Sementara itu, bahasa dalam dasar pelajaran turut digariskan dalam manifesto Perikatan untuk melaksanakan apabila diberi mandat selepas memenangi pilihan raya tersebut. Antara lain menggariskan tujuan dasarnya seperti berikut:

“Pelajaran: Memberi perhatian yang istimewa kepada soal-soal pelajaran. Mengubah corak pelajaran dengan memberi corak Malaya; menambah bilangan orang-orang yang tahu membaca dan menulis; ...meluaskan perkembangan sekolah-sekolah bahasa anak negeri; menggalakkan perkembangan sekolah-sekolah, bahasa-bahasa dan kebudayaan tiap-tiap bangsa yang tinggal di dalam negeri ini; mengkaji semula undang-undang pelajaran tahun 1952 dan Kertas Putih tentang pelajaran Majlis Mesyuarat Undang-undang Federal nombor 67 tahun 1954” (Ibrahim, 1981).

Petikan di atas adalah antara intipati yang terpenting daripada dasar ‘Pelajaran’ dalam Manifesto Perikatan. Jelaslah, intipatinya itu mencerminkan kesungguhan Perikatan dalam mempertingkatkan kualiti dan mutu pendidikan kepada rakyat tanpa mengira kaum di Tanah Melayu. Hal yang menarik dapat disimpulkan dalam manifesto itu ialah usaha mengubah dasar pendidikan agar bercorak Tanah Melayu dan berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Perikatan juga berhasrat menuju sekolah kebangsaan, namun pada masa yang sama masih mengekalkan sistem pendidikan vernakular sedia ada. Usaha bersepdu yang ingin dicapai adalah dengan mengkaji semula undang-undang pelajaran tahun 1952 dan Kertas Putih Pelajaran Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan nombor 67 tahun 1954. Berdasarkan manifesto tersebut, Majlis Kebangsaan Perikatan turut mengambil berat isu bahasa, mahupun bahasa dalam sistem pendidikan dengan harapan dapat diterima oleh majoriti rakyat Tanah Melayu.

Selepas pengumuman, Parti Perikatan telah memenangi pilihan raya tersebut dengan 51 kerusi daripada 52 kerusi, sementara yang satu kerusi lagi dimenangi oleh PAS di Krian, Perak (CO 1030/225, no. 4 [Federal Elections], 1955; Smith, 1955; Ratnam, 1965; Means, 1970). Sesungguhnya, keputusan pilihan raya ini penting dalam konteks isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang jelas Parti Perikatan telah berjaya meletakkan kedudukan yang umumnya dapat diterima oleh penduduk Tanah Melayu. Semangat kemerdekaan menjadi tunjang kepada kejayaan Parti Perikatan dan rakyat Tanah Melayu untuk bersatu dengan matlamat kemerdekaan. Selepas pilihan raya, sebuah jemaah menteri dibentuk dengan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri (Straits Times, 2 Ogos 1955). Tun Razak telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran yang dilihat begitu besar ertiannya kepada UMNO khususnya dan amnya orang Melayu (Mohd Sohaimi, 2020, Miller, 1958 ; Milne & Mauzy; 1982). Perlantikan Tun Razak itu penting kerana menjadi

harapan untuk UMNO dan orang Melayu dalam usaha untuk memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, serta menjadikan bahasa Melayu sebagai teras kepada dasar pendidikan negara yang bakal merdeka. Malahan Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (PKGMS) turut menegaskan bahawa jawatan itu amat penting kepada orang Melayu dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Tanah Melayu.

Isu dan Cabaran Bahasa Melayu dalam Penyata Razak

Sebagai Menteri Pelajaran, Tun Razak mempunyai tanggungjawab besar untuk menghasilkan dasar pendidikan kebangsaan yang boleh mengatasi batasan perkauman demi perpaduan, di samping dapat meyakinkan pihak British dalam usaha ke arah kemerdekaan. Tun Razak merupakan antara jemaah menteri yang mempunyai pengalaman dalam penggubalan dasar pendidikan sebelum ini. Tunku Abdul Rahman telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa kerajaan Perikatan akan mengkaji semula keseluruhan persoalan yang berkaitan dengan pendidikan memandangkan terdapat banyak kritikan yang dibuat ke atas dasar pendidikan sebelum ini (Malay Mail, 11 Ogos 19955). Tun Razak sebagai Menteri Pelajaran telah menyokong kenyataan yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman tentang perlunya kajian semula ke atas Ordinan Pelajaran 1952 (Fennel, 1968).

Pada 13 September 1955, sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Tun Razak telah ditubuhkan bagi melaksanakan janji yang dibuat oleh Perikatan dalam manifestonya ketika menghadapi pilihan raya persekutuan. Tun Razak telah membentuk jawatankuasa seramai 15 orang yang terdiri daripada ahli Majlis Perundangan Persekutuan (Malaya Merdeka, 7 Jun 1956). Jawatankuasa ini terdiri daripada orang-orang tempatan iaitu sembilan orang Melayu (UMNO), lima orang Cina (MCA) dan seorang India (MIC) (Report of the Education Committee 1956, 1958). Tun Razak telah memilih mereka sebagai mewakili kaum masing-masing dengan harapan akan wujud pemuaafakan dalam dasar pendidikan yang ingin diperkenalkan kelak. Beliau juga menjemput Pengarah dan Timbalan Pengarah Pendidikan Tanah Melayu sebagai pemerhati dan penasihat kepada jawatankuasa tersebut.

Pada 30 September 1955, mesyuarat kali pertama, Tun Razak telah menjemput semua pertubuhan, persatuan dan individu tanpa mengira kaum di peringkat negeri dan persekutuan untuk mengemukakan memorandum berkaitan dengan dasar pendidikan yang akan digubal kelak. Hasilnya sebanyak 151 memorandum telah diterima daripada pelbagai pertubuhan, persatuan dan orang perseorangan. Antaranya termasuklah dari badan-badan politik seperti UMNO dan MCA, pertubuhan-pertubuhan pendidikan, kesatuan sekerja dan orang perseorangan yang kebanyakannya tokoh-tokoh pemimpin (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, 1956). Secara amnya, memorandum ini telah dijadikan rujukan dan memudahkan lagi tugas jawatankuasa tersebut untuk meneliti segala cadangan yang telah dikemukakan.

Pada masa sama, perbincangan diadakan dengan beberapa orang wakil pertubuhan yang dijemput oleh Tun Razak. Walaupun terdapat banyak permintaan, pihak jawatankuasa hanya memilih pertubuhan pendidikan yang dapat dianggap mewakili kaum masing-masing (Report of the Education Committee 1956, 1958). Tun Razak telah menggariskan dua bidang tugas jawatankuasanya. Pertama, menilai semula dasar pendidikan

Persekutuan Tanah Melayu dan mengesyorkan sebarang perubahan atau menyesuaikan dengan tujuan untuk memperkenalkan dasar pendidikan bersifat kebangsaan yang dapat diterima oleh penduduk Tanah Melayu. Di samping itu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pada masa sama memelihara bahasa dan kebudayaan kaum lain. Kedua, Undang-undang Pelajaran, tahun 1952 yang memerlukan pindaan seperti mana dalam Surat Mesyuarat fasal dasar pelajaran No. 67 tahun 1954 (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, 1956). Berdasarkan bidang tugas tersebut, Tun Razak sebagai penggerusi dengan tegas ingin mencapai matlamat mewujudkan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang boleh diterima oleh penduduk Tanah Melayu. Malah, beliau berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, serta ia menjadi sebahagian dasar pendidikan negara ini. Jelaslah, dasar pendidikan yang ingin digubal itu terdapat tolak ansur selari dengan semangat kemerdekaan yang ingin dicapai kelak.

Pada 16 Mei 1956, Penyata Razak telah dibentang oleh Tun Razak dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Semasa menyampaikan ucapan utama, beliau telah menjelaskan tentang isu dan cabaran jawatankuasanya dalam menggubal penyata tersebut dengan memberikan sebab permasalahan sebagai mana berikut:

“Dengan adanya berbagai-bagai bangsa dan bahasa dengan mempunyai sistem pelajaran yang berlain-lainan, tugas jawatankuasa itu sebenarnya sulit dan dari mula jawatankuasa itu tidak terkeliru bahawa keadaan itu sulit. Daripada mula jawatankuasa itu dengan sebulat suara menetapkan bahawa menurut keadaan pelajaran yang ada sekarang tidaklah dapat diperbuat rancangan yang berjangka panjang atau membentuk satu polisi yang boleh kekal hingga turun temurun dan tugas jawatankuasa itu hendaklah membuat rancangan bagi masa hadapan yang dekat, untuk masa peralihan pelajaran di Malaya yang difikirkan dalam masa sepuluh tahun yang akan datang” (Federation of Malaya, 1956).

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan bahawa sistem pendidikan vernakular yang begitu kompleks telah menjadikan tugas yang dipikul itu bukanlah mudah untuk diharungi apatah lagi untuk memenuhi tuntutan semua kaum. Justeru itu, Tun Razak telah membuat keputusan lebih realistik dengan menetapkan bahawa perlaksanaan penyata ini adalah untuk tempoh sepuluh tahun sahaja dan ia perlu dikaji semula selepas itu (Report of the Education Committee 1956, 1958).

Sungguhpun begitu, Tun Razak tetap menegaskan bahawa perpaduan menjadi agenda utama dalam penyatanya itu. Cadangan yang telah diputuskan adalah dengan penyeragaman kurikulum semua sekolah-sekolah tanpa mengira aliran bahasanya seperti mana yang terdapat dalam Perenggan 11:

“Kami percaya iaitu mustahak bagi sekolah-sekolah kita berjiwa Tanah Melayu dan kami telah mencadangkan perkara ini boleh dapat dicapai dengan jalan diadakan satu sukanan pelajaran yang sama bagi semua sekolah supaya semua murid-murid itu mempelajari sama jenis perkara

pelajaran walaupun menggunakan lain-lain bahasa” (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, 1956).

Bagi menyeragamkan kurikulum, Tun Razak telah menujuhkan suatu Jawatankuasa Am Sukatan Pelajaran untuk peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, 1956).

Pada dasarnya, perkara di atas berlaku kerana hasil tolak-ansur antara tuntutan orang Melayu dengan orang bukan Melayu, terutamanya tuntutan orang Cina terhadap dasar kepelbagaian bahasa pengantar. Dengan perkataan lain, untuk menenangkan hati orang Cina, Penyata Razak menekankan penyeragaman isi kandungan kurikulum berorientasikan etos tempatan sebagai asas untuk memupuk integrasi nasional tanpa memperakukan pemansuhan sistem pendidikan vernakular Cina daripada sistem pendidikan kebangsaan. Walau bagaimanapun, pada pihak lain pula, demi memenuhi aspirasi orang Melayu, perenggan 12, Penyata Razak mengesyorkan bahasa Melayu diperkuuhkan statusnya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan secara beransur-ansur dengan menyebut:

“Kami percaya juga yang tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta melancong hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur” (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, 1956).

Sesungguhnya, perenggan 11 dan 12 di atas boleh dianggap sebagai suatu langkah Perikatan untuk mengakomodasikan tuntutan pelbagai kaum dalam isu bahasa dan pendidikan demi perpaduan (Too, 1955; Tan, 1997; Mohd Sohaimi, 2020). Penyelesaian masalah tuntutan bahasa dan pendidikan ini agak terdesak menjelang kemerdekaan memandangkan Perikatan tidak mahu pertikaian ini terus berlarutan dan menjadi isu kontroversi yang boleh menjelaskan kestabilan sosiopolitik dan membantutkan proses peralihan kuasa daripada British kepada Perikatan yang sedang giat dirundingkan ketika itu (Tan, 2005). Bertitik-tolak daripada kontingen politik dan desakan semasa, maka Penyata Razak telah digubal atas semangat kompromi antara kaum berlandaskan amalan politik permuafakatan dalam kalangan elit politik dalam Perikatan. Berdasarkan semangat kompromi tersebut, perenggan sembilan Penyata Razak sekali lagi menegaskan tentang matlamat untuk “...satu dasar pelajaran yang boleh diterima oleh semua penduduk Tanah Melayu ini” (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, 1956).

Walau bagaimanapun, Tun Razak telah menerima kritikan hebat apabila tidak begitu tegas dalam pelaksanaan bahasa Melayu dan memperakukan pelbagai aliran pendidikan di negara ini. Sebagai contoh, laporan akhbar Utusan Melayu yang menganggap bahawa Penyata Pelajaran itu menghapuskan bahasa Melayu. Ianya mengakui di bawah undang-undang akan

bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa (Utusan Melayu, 10 Mei 1956). Sewaktu pembentangan, Tun Razak telah menjawab kritikan itu seperti mana berikut:

“Syor yang utama ialah mengawaskan dan memperkayakan bahasa Melayu dan memelihara dan meninggikan taraf pelajaran Melayu. Penyata itu ditujukan kepada polisi untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negeri ini dan meninggikan darjah dan taraf pelajaran Melayu” (Malaya Merdeka, 7 Jun 1956).

Bagi Tun Razak, hal ini dapat dirujuk dalam kandungan penyata pelajaran, Bab Tiga: Bahasa Kebangsaan. Antara perkara yang terpenting termasuklah usaha memajukan bahasa Melayu dalam sektor pendidikan dan memperkenalkan beberapa insentif untuk mempelajari bahasa Melayu. Jawatankuasa ini juga bersetuju untuk menjadikan tulisan rumi sebagai tulisan utama, tanpa meminggirkan tulisan jawi bagi memudahkan orang bukan Melayu untuk mempelajari bahasa Melayu. Di samping itu, Institut/Sekolah Bahasa dan balai pustaka turut dicadangkan penubuhannya untuk mempertingkatkan lagi status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, 1956).

Sewaktu menggulung ucapannya, Tun Razak telah merayu supaya penyata ini dapat diterima atas rasa semangat perpaduan dan toleransi. Beliau mengakui bahawa penyata ini tidak mungkin dapat memenuhi kehendak semua pihak, tetapi jawatankuasanya berusaha untuk memenuhi kehendak sebahagian besar masyarakat pelbagai kaum di Tanah Melayu. Harapan yang tinggi telah diletakkan dari penyata pelajaran ini seperti mana katanya:

“...penyata ini telah dibentuk oleh lima belas orang ahli Majlis Mesyuarat ini daripada semua bangsa yang menerima dengan sebulat suara semua syor-syor dengan tidak berbatas. Dengan semangat bertolak ansur dan bertanggungjawab pada negara ini seluruhnya. Ahli-ahli Jawatankuasa itu telah dapat mencapai persetujuan yang penuh. Negara ini sedang di dalam masa peralihan politik, kebebasan politik dan taraf berkebangsaan penuh tidak jauh daripada kita... Penyata pelajaran yang boleh dijalankan ini adalah meletakkan batu asas sistem pelajaran kebangsaan yang di atasnya akan lahir satu bangsa Malayan” (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, 1956).

Sewaktu perbahasan, Tun Razak telah memberikan jawapan yang meyakinkan untuk setiap soalan yang diajukan oleh ahli-ahli Majlis Perundangan. Malah perbahasan yang berlangsung ini lebih tertumpu kepada usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, sementara bahasa dan kebudayaan kaum-kaum lain dikekalkan. Apapun jelas dari penyata pelajaran tersebut menunjukkan bahawa orang Melayu bersedia menerima tuntutan-tuntutan daripada kaum pendatang. Hal ini disedari oleh salah seorang ahli Majlis Perundangan, S.O.K. Abdullah yang telah memuji orang Melayu kerana menunjukkan sikap yang bijak dan berpandangan jauh, serta sebagai satu contoh yang nyata tentang liberalisme orang Melayu. Dalam hal ini, S.O.K. Abdullah menambah bahawa:

“...orang-orang Melayu yang enggan menerima keanggotaan ahli-ahli dari masyarakat lain di dalam organisasi politik mereka tujuh tahun yang lalu, sudah menerima masyarakat lain sebagai pasangan politik dan telah juga menunjukkan bahawa mereka sanggup memberi bahasa-bahasa mereka di tempat yang sah di dalam sistem pelajaran negara”
(Legislative Council Debates, 16 May 1956).

Persoalannya, apakah yang dikatakan oleh S.O.K. Abdullah itu sebagai kejayaan kepada Tun Razak sebagai pengurus jawatankuasa pelajaran tersebut? Apakah langkah Tun Razak itu menguntungkan orang Melayu dan tanah airnya? Dalam konteks bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, inilah yang dianggap cabaran yang terpaksa ditelan segala kepahitan oleh pemimpin Melayu, khususnya dalam UMNO termasuk Tun Razak. Realitinya, implikasi penjajahan menyebabkan mereka tiada pilihan untuk merealisasikan tuntutan mutlak bahasa kebangsaan tersebut. Orang Melayu sekali lagi terpaksa melepaskan haknya demi kemerdekaan yang ditagih daripada British. Sementara orang Cina dan India memperolehi lebih daripada yang sepatutnya jika dilihat daripada citra negara ini berdasarkan milik orang Melayu.

Pada dasarnya, Tun Razak berasib baik kerana tidak bersendirian dalam menangani isu tersebut. Beliau telah mendapat sokongan padu daripada para pemimpin MCA, mahupun MIC apabila Penyata Razak telah diperakukan secara sebulat suara sebagai Ordinan pelajaran 1957. Bagi Tun Razak, mereka yang menentang Penyata Razak dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dianggap sebagai menentang perlombagaan dan kerajaan Perikatan (Malaya Merdeka, 12 Disember 1958). Justeru itu, Tun Razak lebih berani dalam menangani segala tekanan dan desakan dari pertubuhan-pertubuhan tersebut. Beliau juga terpaksa bermain tarik tali dengan mereka dan keputusan yang dibuat itu berdasarkan kepada kepentingan politik semasa. Di sebalik cabaran besar yang dilaluinya itu, Tun Razak telah muncul sebagai *trouble-shooter* utama kepada kerajaan Perikatan dalam menangani segala masalah yang berkaitan dengan dasar pendidikan negara, mahupun usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dasar pendidikan dan kedudukan bahasa Melayu itu juga penting kerana menjadi wadah dalam tuntutan kemerdekaan negara daripada pihak British.

Rumusan

Bahasa itu jiwa bangsa. Walau bagaimanapun, ungkapan ini tidak seindah apa yang dilalui oleh Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara ini. Dari segi sejarah, terbukti bahasa Melayu terpaksa melalui proses yang rumit untuk diketengahkan sebagai bahasa kebangsaan. Walhal bahasa amat besar peranannya kerana menjadi salah satu identiti rakyat dan negara yang berdaulat. Bahasa juga menjadi alat perpaduan bagi masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Hal ini yang menjadi delima kepada pemimpin Melayu, terutamanya UMNO yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak. Sungguhpun mereka telah berusaha melakukan yang terbaik dalam Parti Perikatan, namun tuntutan kaum bukan Melayu, khususnya orang Cina menjadikan etos bangsa ini sukar untuk dibina walaupun di ambang kemerdekaan Tanah Melayu. Hal ini jelas

apabila sukaranya untuk mendapatkan kesepakatan berkaitan dengan bahasa dalam memutuskan manifesto pilihan raya Parti Perikatan tersebut. Keadaan ini juga dirumitkan lagi apabila terdapat tekanan sama ada sebelum mahupun selepas diluluskan Penyata Razak. Pada hakikatnya, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi suatu perjuangan kepada orang Melayu yang telah dilakukan sebelum negara ini mencapai kemerdekaan lagi. Mereka yang terlibat terpaksa menelan segala kepahitan dalam memperjuangkan isu bahasa tersebut, termasuklah Tunku Abdul Rahman-Tun Razak. Realitinya, implikasi penjajahan menyebabkan mereka tiada pilihan untuk merealisasikan tuntutan mutlak bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tersebut. Orang Melayu sekali lagi terpaksa melepaskan haknya demi kemerdekaan yang ditagih daripada British. Sementara orang Cina dan India memperolehi lebih daripada yang sepatutnya, selain kewarganegaraan jika dilihat daripada citra negara ini berdasarkan milik orang Melayu.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) dan Erudites Group (EGP) (Kod Geran: TLS2105, TLS2109, TLS2111, TLS2110, TLS2010, TLS2105, TLS2007, TLS2006, TLS2004 & TLS2011).

Rujukan

- A. Aziz Deraman. (2017). *Pemerkasaan Bahasa Melayu di negara bangsa Malaysia merdeka*. Ipoh: Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.
- Abdullah Hassan, (2009). Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuan Globalisasi, *Jurnal Kemanusiaan* 16, Universiti Pendidikan Sultan Idris Bahasa Melayu lambang jati diri nasional.
- Abdullah Hassan. (2003). *Bahasa Melayu Komunikasi*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11).
- Carr, E.H. (1962). *What is History?* New York: Alfred A. Knopf.
- Collingwood, R.G. (1993). *The Idea of History*. New York, NY: Oxford University Press.
- CO 1030/225, no. 4 [Federal Elections]: Despatch no. 958/55 from Sir D MacGillivray to Mr. Lennox-Boyd Reporting the Conduct and Results of the Elections to the Legislative Council, 8 August 1955.
- Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi Esa, Yusten Karulus & Budi Anto Mohd. Tamring. (2015). *Eksplorasi Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Federation of Malaya. (1954a). *Report of the Education Development Fund (Council Paper No. 52 of 1954)*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Federation of Malaya, (1954b). *Report of the Special Committee Appointed by the High Commissioner in Council to Consider Ways and Means of Implementing the Policy Outlined in the Education Ordinance, 1952, in the Context of Diminishing Financial Resources of the Federation (Council Paper No. 67 of 1954)*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Federation of Malaya. (1956). *Proceedings of the Second Federal Legislative Council, First Session, 16 May 1956*.

- Federation of Malaya. (1951a). *Proceedings of the Federal Legislative Council, Fourth Session*, 20 September 1951. Kuala Lumpur: Government Press.
- Federation of Malaya. (1951b). *Report of the Special Committee Appointed on the 20th day of September 1951 to Recommend Legislation to Cover All Aspects of Educational Policy for the Federation of Malaya* (Council Paper No. 70 of 1952), Kuala Lumpur: Government Press.
- Federation of Malaya. (1951c). *Report of the Special Committee of September 1951*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Federation of Malaya. (1952). *The Education Ordinance 1952, Council Paper No. 63 of 1952*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Fennel, T.R. (1968). *Commitment to Change: A History of Malayan Education Policies, 1945-1957*. Hawaii: University of Hawaii.
- http://www.malaysianbar.org.my/berita/komen_undang_undang/bahasa_melayu_lambang_jati_diri_nasional.html
- Ibrahim Mahmood. (1981). *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu: Suatu Penyingkapan Kembali Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu Menuju Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Kamus Dewan (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kreiger, L. (1977). *Ranke: The meaning of history*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. (2008). *Perlembagaan Persekutuan hingga 15 Mei 2008*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Majalah Guru. (Ogos 1954).
- Malaya Merdeka. (7 Jun 1956).
- Malaya Merdeka. (12 Disember 1958).
- Means, G.P. (1970). *Malaysian Politics*. Malaya: Hodder and Stoughton.
- Menuju Kepada Kemerdekaan. (tanpa tahun). Kuala Lumpur: Alliance National Council.
- Milne, R.S. & Mauzy, D.K. (1982). *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Miller, Harry. (1958). *Prince and Premier*. Kuala Lumpur: Federal Publication Limited.
- Majlis. (30 September 1950).
- Mohd Ghazali Abdullah. (2009). *Dasar dan perlaksanaan sistem pendidikan kebangsaan: Satu penilaian semula*. Bangi: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Siti Aidah Lukin@Lokin, Saifuazry Mokhtar & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2021). Keberkesanan Pengajaran dan pembelajaran dalam Talian bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian kes di kalangan pelajar prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(23 April).
- Mohd Sohaimi Esa. (2020). *Biografi Tun Razak: Bapa Pembangunan Negara*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring. (2011). *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbit Multimedia.
- Nazaruddin Hj. Mohd Ali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi abu Samah & Ismail Hj. Mohd Rashid. (2001). *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Mokhtar, S., Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., & Marzuki, M. (2021a). Signifikasi Keunikan Diversiti Budaya Masyarakat Majmuk Disulami Keharmonian, Disantuni Perpaduan Sebagai Nilai Tambah Kepercayaan Keluarga dan Pemangkin Diaspora Pelajar Antarabangsa Melanjutkan Pengajian Ke Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 01-28.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., & Raymond Majumah, A. S. A. (2021b). Maslahat Literasi Pendidikan Politik Simbiosis Golongan Belia Dalam Mendepani Perubahan Lanskap Kepimpinan Negara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(38): 82 -104.
- Penyata Jawatankuasa Pelajaran, 1956. (1956). Kuala Lumpur: Caxton Press, Ltd.
- Ramlah Adam. (2003). *Sejarah Perkembangan Pilihanraya Era Pra-Merdeka, 1955*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Ramlah Adam dan Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2014). *Pendaulatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Ilmu di Malaysia: Sejarah dan kedudukan masa kini*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis.
- Ratnam, K.J. (1965). *Communalism and the Political Process*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1965.
- Report of the Education Committee 1956. (1958). Kuala Lumpur: Government Printer.
- Rozita Che Rodi dan Hashim Musa. (2014). Bahasa Melayu Negara Bangsa Malaysia. MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu). Vol. 1 (2) Nov.
- Smith, T.E. (1955). *Report on the First Election of Membership to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, Government Printer, Kuala Lumpur.
- Straits Times* (20 Julai 1955).
- The Straits Echo* (16 Ogos 1954).
- Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997.
- Too Joon Hing. (1955). "Minutes of the Second Meeting of the Committee Appointed to Review Educational Policy Held in the Conference Room, Federal House, Kuala Lumpur, on 13 and 14 October 1955." (Koleksi Peribadi).
- Tunku Abdul Rahman. (1977). *Looking Back: Monday Musings and Memories*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Utusan Melayu (10 Mei 1956).
- Tan Yao Sua. (2005). *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia, (1960-1982)*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Warta Negara. (30 September 1950).